Panasonic

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

‘*Healthy Fun Run’* Pertama Panasonic Melangkah untuk Masa Depan yang Lebih Sihat

‘Fun Run’ ini memberi inspirasi kepada keluarga untuk merangkul gaya hidup seimbang melalui gerakan dan membuat pilihan positif untuk masa depan yang lebih sihat

Putrajaya, 28 Januari – Panasonic Malaysia menganjurkan ***Panasonic Healthy Cooking Fun Run*** pertama pada 28 Januari di Anjung Floria, Putrajaya. Acara mesra keluarga sejauh 5KM ini sejajar dengan slogan jenama Panasonic *"Create Today. Enrich Tomorrow."* dan teras utamanya "Kesejahteraan Dalaman" *(Inner Wellbeing)* yang mengutamakan budaya kesejahteraan holistik, bermula dari dapur dengan mengamalkan pemakanan yang sihat dan berkhasiat.

Melangkaui sekadar pemakanan sihat, *Fun Run* ini juga merangkumi konsep "*Heathy Everyday*" Panasonic yang bertujuan untuk mencetuskan perjalanan di kalangan para keluarga menerima dan mengamalkan tabiat sihat yang meluas dalam kehidupan seharian untuk masa depan yang lebih cerah. Ini semua bermula dengan mengambil langkah sihat untuk menambahbaikan kesihatan setiap hari.

"*Panasonic Healthy Cooking Fun Run* adalah komitmen kami untuk memupuk komuniti yang lebih sihat. Bagi kami, ini lebih daripada sekadar aktiviti larian, ini merupakan perayaan kesejahteraan dan mengambil langkah pertama untuk menjalani gaya hidup sihat melalui kombinasi pemakanan yang betul dan sihat, serta aktiviti fizikal kerap untuk meningkatkan kualiti hidup. Kami menggalakkan keluarga dan individu untuk sentiasa mengambil peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti supaya kekal aktif dengan cara yang menyeronokkan dan interaktif," kata Keisuke Nishida, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Healthy Fun Run ini dirasmikan oleh Pengarah Cawangan Kecergasan Kebangsaan, Jabatan Belia & Sukan Kebangsaan, Encik Dharzuky bin Daud. Kehadiran beliau menambahkan lagi semangat dan tenaga peserta. Selain itu, *Fun Run* juga menampilkan pelbagai aktiviti menarik, termasuk Cabaran Langkah, Stesen Jus, dan Sudut Demo *"Healthy Everyday"*.

Elemen kelestarian juga dipaparkan dalam *Fun Run* ini. Pingat, simbol kejayaan peserta dihasilkan daripada bahan HDPE kitar semula, selari dengan komitmen Panasonic kepada alam sekitar yang lebih hijau. Selanjutnya, beg tote boleh diguna semula disediakan kepada semua peserta, mencerminkan dedikasi syarikat untuk mengurangkan pembaziran.

###

Panasonic

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

Mengenai Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Hubungan Media

Stella Lim
Ketua Jabatan
Jabatan Komunikasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.
Email: stella.lim@my.panasonic.com
Pejabat: +603-7809 7605

Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat
Jabatan Komunikasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com
Pejabat: +603-7809 7877